

Pakatan Pembangkang Amal 'Politik Populis' - Chua Soi Lek
Bernama
29 Julai, 2012

IPOH, 29 Julai (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek berkata pakatan pembangkang hanya mengamalkan 'politik populis' tanpa menunaikan janji, sebaliknya pimpinan Barisan Nasional (BN) membuktikan perancangan yang dilakukan berhasil melalui program transformasi.

Beliau berkata janji populis pembangkang seperti memansuhkan bayaran tol dan pinjaman PTPTN, bukan untuk memajukan negara ke arah berpendapatan tinggi malah lebih menjurus kepada negara yang bankrap.

"Perdana Menteri telah melakukan transformasi sosial dan politik untuk memastikan masyarakat yang lebih demokratik, dan saya yakin ini permintaan dan hasrat rakyat jelata, berbanding dengan pakatan rakyat yang hanya menabur janji merata tempat, tapi tidak menunaikannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen MCA Perak.

Sehubungan itu, pengundi terutama kaum Cina perlu menilai dan membuat perbandingan terhadap janji yang dikotakan kerajaan BN dengan janji pakatan pembangkang.

Beliau berkata semasa krisis mata wang ringgit pada 1997, Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim hampir berjaya mengorbankan negara kepada IMF.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683961>

